

# 'Muhyiddin tak utamakan rakyat'

**Petaling Jaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilihatnya salah membuat keutamaan ketika menjadi Perdana Menteri, didakwa tidak mengutamakan rakyat, sebaliknya sibuk membaik pulih kediaman rasmi Seri Perdana;

Tegas Pengerusi Pakatan Harapan (PH) yang juga Presiden PKR, beliau sangat marah dengan tindakan baik pulih Seri Perdana di Putrajaya pada Mac 2021 itu ketika ramai rakyat sedang berdepan kesukaran hidup.

Kerja baik pulih Kompleks Seri Perdana dengan kos RM38.5 juta diluluskan pada 19 Mac 2021 sebelum projek bermula 10 hari kemudian ketika negara dan dunia dilanda pandemik COVID-19, krisis kesihatan yang melumpuhkan ekonomi dan menyebabkan ramai hilang kerja dan pendapatan.

Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) merangkap Presiden BERSATU mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri Kelapan menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad setahun sebelum itu, pada 1 Mac 2020.

"Rakyat perlu menilai orang bila mereka ada kuasa," kata Anwar sambil mengibaratkan Seri Perdana seperti istana dan tidak memerlukan sebarang ubah suai, sebaliknya RM38.5 juta dibelanjakan bagi kerja-kerja berkenaan.

Perdana Menteri berkata, pemimpin sepatutnya dinilai atas khidmat dan kerja mereka, bukannya apa yang dipakai, sama ada baju Melayu, berkot dan bertali leher, berkopiah atau berserban.

"Bila ada kuasa, cakap sahaja tapi tindakan tak serupa. Jangan cakap saja, tetapi tidak buat, bila jadi kerajaan belახ



ambil duit, ambil projek, lupakan rakyat yang susah," katanya ketika berucap pada ceramah Arus Merah Kuning di Kota Damansara, di sini malam kelmarin.

Anwar kemudian mengajukan soalan kepada ahli agama dalam PAS, apakah keutamaan di antara membantu rakyat yang memerlukan berbanding membelanjakan puluhan juta ringgit untuk membaik pulih kediaman.

"Kini suruh anak muda ikut mereka (PN). Kalau anak muda

tidak faham lagi, jumpa saya, saya ajak tengok Seri Perdana. Ini orang (parti politik) bagi RM100, kerja kamu maki orang tiap-tiap hari," katanya.

Muhyiddin pada 30 September 2021 melalui satu kenyataan, menjelaskan kerja baik pulih Kompleks Seri Perdana bagi memulihara bangunan milik kerajaan yang menjadi lambang institusi ketua kerajaan serta imej negara kepada keadaan asal yang akan rosak lebih teruk dan kos baik pulih meningkat jika tidak dibaiki.

Sementara itu, Anwar menjelaskan pertukaran calon PH bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Damansara bagi memberi ruang wakil Angkatan Muda Keadilan (AMK) PKR bertanding di Selangor dan keputusan itu dibuat selepas melalui proses sepatutnya, bukannya melalui beliau seorang.